

**KESEDIAAN GURU DAN PENGGUNAAN BAHAN BANTU
MENGAJAR HUBUNGANNYA DENGAN MINAT BELAJAR
MURID PEMULIHAN KHAS**




NORHAFIZAH RASUL

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2013**

**KESEDIAAN GURU DAN PENGGUNAAN BAHAN BANTU
MENGAJAR HUBUNGANNYA DENGAN MINAT BELAJAR
MURID PEMULIHAN KHAS**

NORHAFIZAH RASUL



**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2013**

PENGESAHAN PENYELIA

NAMA : NORHAFIZAH BINTI RASUL

NO. MATRIK : PT20117226C

**TAJUK : KESEDIAAN GURU DAN PENGGUNAAN BAHAN BANTU
MENGAJAR HUBUNGANNYA DENGAN MINAT BELAJAR
MURID PEMULIHAN KHAS**

IJAZAH : SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)



DISAHKAN OLEH;

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENYELIA

.....
(PROF. MADYA DR. BAHAROM MOHAMAD)

Penyelaras Pascasiswazah
Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial
Universiti Malaysia Sabah

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS DISERTASI

TAJUK : **KESEDIAAN GURU DAN PENGGUNAAN BAHAN BANTU
MENGAJAR HUBUNGANNYA DENGAN MINAT BELAJAR MURID
PEMULIHAN KHAS**

IJAZAH: **SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

SAYA : **NORHAFIZAH BINTI RASUL SESI PENGAJIAN: 2011/2012**

Mengaku membenarkan disertasi (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Disertasi adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi / badan di mana penyelidikan dijalankan).

☒

TIDAK TERHAD


JULIZA RAMZI

PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan Oleh;



(NORHAFIZAH BINTI RASUL)



**(PROF. MADYA DR. BAHAROM
BIN MOHAMAD)**

Tarikh: **8.7.2013**

Tarikh: **8/7/2013**

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

8 Julai 2013



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Norhafizah Rasul
PT20117226C

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.

Alhamdulillah, Syukur ke hadrat Ilahi yang telah mengurniakan rahmatNya sehingga saya dapat menyempurnakan disertasi ini dengan jayanya.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia disertasi saya iaitu Prof. Madya Dr. Baharom Mohamad atas segala bimbingan, teguran dan nasihat yang diberikan sepanjang saya menyempurnakan disertasi ini.

Sekalung penghargaan ditujukan kepada Pejabat Pelajaran Daerah Kinabatangan atas kerjasama untuk mengedarkan soal selidik untuk kajian rintis saya. Terima kasih juga kepada Pejabat Pelajaran Daerah Lahad Datu atas maklumat yang diberikan untuk melancarkan lagi proses untuk menyiapkan disertasi ini.

Tidak dilupakan, ribuan terima kasih ditujukan kepada Guru Besar dan rakan-rakan guru atas kerjasama sewaktu kajian dijalankan.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada ahli keluarga yang banyak memberi sokongan dan galakan sepanjang proses menyiapkan disertasi ini. Kepada rakan-rakan Kumpulan 1 sesi 2011, Plums Tawau terima kasih tidak terhingga atas sokongan dan bantuan yang diberikan.

Sekian, terima kasih.

Norhafizah Rasul,
MEM 2011,
Universiti Malaysia Sabah.
8 Julai 2013

ABSTRAK

KESEDIAAN GURU DAN PENGGUNAAN BAHAN BANTU MENGAJAR HUBUNGANNYA DENGAN MINAT BELAJAR MURID PEMULIHAN KHAS

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang kesediaan guru-guru pemulihan khas serta penggunaan BBM dalam pengajaran dan pembelajaran terhadap minat belajar murid pemulihan khas di daerah Lahad Datu. Kajian ini juga meninjau aspek kesediaan guru dari segi latihan dan minat menjadi guru pemulihan khas. Aspek penggunaan BBM ditinjau dari segi kemahiran guru pemulihan khas membina BBM dan juga keberkesanan BBM terhadap pengajaran dan pembelajaran dan sekali gus dapat melihat hubungan aspek tersebut terhadap minat belajar murid pemulihan khas. Responden seramai 44 orang Guru Pemulihan daerah Lahad Datu telah dipilih sebagai sampel kajian. Borang soal selidik digunakan untuk mengumpul data-data responden yang terdiri daripada guru pemulihan di daerah Lahad Datu. Analisis deskriptif, Ujian t dan Ujian Korelasi *Pearson* pada aras signifikan ($p > 0.05$) serta Regresi Berganda telah digunakan untuk menjawab persoalan kajian. Dapatan kajian menunjukkan ($\min = 4.15$, $sp = 0.47$) bagi kesediaan guru, ($\min = 4.22$, $p = 0.46$) bagi penggunaan BBM dan ($\min = 4.07$, $sp = 0.41$) mewakili minat belajar murid pemulihan khas. Dalam ujian t padanan menunjukkan kedua-dua pemboleh ubah tidak mempengaruhi minat belajar murid pemulihan khas dengan aras signifikan 0.25. Walau bagaimanapun, terdapat korelasi yang lemah bagi kedua-dua pemboleh ubah iaitu ($r = 0.33$) bagi kesediaan guru dengan minat belajar murid pemulihan khas dan ($r = 0.30$) bagi penggunaan BBM dengan minat belajar murid pemulihan khas. Daripada kedua-dua pemboleh ubah ini, min kesediaan guru merupakan pemboleh ubah yang paling mempengaruhi minat belajar murid pemulihan khas. Kedua-dua pemboleh ubah ini dilihat bukanlah faktor utama menyumbang pada minat belajar murid pemulihan khas. Justeru itu, kajian terhadap faktor luar dari persekolahan dicadangkan untuk kajian akan datang.

ABSTRACT

READINESS OF TEACHERS AND TEACHING AIDS RELATIONS ON REMEDIAL STUDENT'S INTEREST OF LEARNING

This study aims to gain information about the remedial teacher's readiness and the usage of teaching aids in teaching and learning process towards remedial student's learning interest in Lahad Datu. This study was also conducted to determine the readiness of teachers in terms of teacher training and interest in becoming a remedial teacher. Teaching aids application of the skills of teachers surveyed from skills and the effectiveness of teaching and learning using aids and thereby to examine the relationship between these aspects of students' learning interest in remedial learning process. Respondents were 44 teachers in Lahad Datu district were selected for the study. Questionnaires were used to collect data from respondents remedial teacher in the Lahad Datu. Descriptive analysis, t test and Pearson correlation test at significant level ($p > 0.05$), and multiple regression was used to answer the research questions. The results showed (mean = 4.15, SD = 0.47) for the availability of teachers (mean = 4.22, $p = 0.46$) for the use of fuels and (mean = 4.07, SD = 0.41) represent a special remedial students interest in learning. In matching t-test showed the two variables do not affect students' interest in learning and exclusive remedy with significance level 0.25. However, there is a weak correlation for both variables, namely ($r = 0.33$) for the readiness of teachers to students' interest in learning and special recovery ($r = 0.30$) for the use of fuel with a special interest in learning remedial students. Of these two variables, the mean willingness teacher is the most influential variable interest in learning special remedial students. Both of these variables are seen not a major factor contributing to students' interest in learning special recovery. Therefore, the study of the external factors of the school proposed for future research.

Pengakuan	i
Penghargaan	ii
Abstrak	iii
<i>Abstract</i>	iv
Kandungan	v
Senarai Jadual	viii
Senarai Rajah	x
Senarai Singkatan	xi
Senarai Lampiran	xii

1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	3
1.3	Pernyataan Masalah	6
1.4	Tujuan Kajian	9
1.5	Objektif Kajian	9
1.6	Soalan Kajian	10
1.7	Hipotesis Kajian	10
1.8	Kepentingan Kajian	10
1.9	Skop Kajian	11
1.10	Batasan Kajian	11
1.11	Definisi Operasional	
1.11.1	Pendidikan / Program Pemulihan	12
1.11.2	Murid Pemulihan Khas	13
1.11.3	Kesediaan Guru	13
1.11.4	Bahan Bantu Mengajar	14
1.11.5	Minat Belajar	15
1.12	Kerangka Konsep	16
1.13	Rumusan	16

2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	
2.2	Murid - Murid Pemulihan	17
2.2.1	Konsep Pendidikan Pemulihan	18
2.2.1.1	Rasional Pendidikan Pemulihan	21
2.2.1.2	Objektif Pendidikan Pemulihan	22
2.2.2	Konsep Pendekatan Pembelajaran Masteri	23
2.3	Kesediaan Guru	23
2.4	Penggunaan Bahan Bantu Mengajar	25
2.5	Minat Belajar	27

2.6	Teori Kajian	
2.6.1	Teori Behavioris	28
2.6.1.1	Teori Pelaziman Klasik Pavlov	28
2.6.1.2	Teori Thorndike	29
2.6.2	Teori Bandura	30
2.6.3	Teori Gagne	31
2.6.4	Teori Pengurusan	32
2.6.5	Teori Motivasi	32
2.7	Model	
2.7.1	Model Reflektif Wallace	33
2.7.2	Model Robert Glazer	34
2.7.3	Model Sim	35
2.8	Kajian Lepas	36
2.9	Kajian Lepas Luar Negara	40
2.10	Konsep, Teori dan Model Yang Bersesuaian Dengan Kajian Penyelidik	41
2.11	Rumusan	44

3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	
3.2	Reka Bentuk Kajian	45
3.3	Populasi Dan Sampel Kajian	46
3.4	Tempat Kajian	46
3.5	Instrumen Kajian	47
3.5.1	Soal Selidik	47
3.5.2	Data Sekunder	49
3.6	Kajian Rintis	50
3.7	Prosedur Kajian	51
3.8	Tatacara Penganalisisan Data	52
3.8.1	Analisis Deskriptif	52
3.8.2	Analisis Inferensi	53
3.8.2.1	Ujian Korelasi <i>Pearson 'r'</i>	53
3.8.2.2	Regressi Pelbagai	54
3.8.3	Skala Pengukuran Hipotesis Kajian	55
3.9	Rumusan	56

4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	
4.2	Analisis Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	58
4.3	Keputusan Soal Selidik	
4.4	Analisis Statistik Deskriptif	
4.4.1	Demografi Responden	59
4.4.2	Kesediaan Guru Pemulihan	61

4.4.3	Penggunaan BBM	64
4.4.3	Analisis Deskriptif Bagi Minat Belajar Murid Pemulihan Khas	66
4.5	Analisis Persoalan dan Hipotesis Kajian	
4.5.1	Persoalan Kajian 1	67
4.5.2	Persoalan Kajian 2	69
4.5.3	Persoalan Kajian 3	70
4.5.4	Persoalan Kajian 4	71
4.6	Rumusan Keputusan Analisis Hipotesis Kajian	74
4.7	Rumusan	76
5	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	
5.2	Ringkasan Dapatan Kajian	77
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	
5.3.1	Tidak Terdapat Perbezaan Min Yang Signifikan Antara Kesiediaan Guru dan Penggunaan BBM Terhadap Minat Belajar Murid Pemulihan Khas	78
5.3.2	Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Kesiediaan Guru Dengan Minat Belajar Murid Pemulihan Khas	81
5.3.3	Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Penggunaan BBM Terhadap Minat Belajar Murid Pemulihan Khas	82
5.3.4	Terdapat Pengaruh Yang Signifikan Antara Kesiediaan Guru dan Penggunaan BBM Terhadap Minat Belajar Murid Pemulihan Khas	83
5.4	Implikasi Kajian	
5.4.1	Implikasi Terhadap Pengamalan dan Tindakan Susulan	84
5.5	Cadangan-cadangan Kajian Lanjutan	
5.5.1	Cadangan untuk Meningkatkan Minat Belajar Murid Pemulihan Khas	85
5.5.2	Cadangan Kajian Masa Hadapan	86
5.6	Rumusan	87

BIBLIOGRAFI

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 3.1	Skala Pemeringkatan Likert	47
Jadual 3.2	Analisis Kandungan Instrumen (Soal Selidik)	48
Jadual 3.3	Item dan Skala	49
Jadual 3.4	Nilai Koefisien Kebolehpercayaan Kajian Rintis	50
Jadual 3.5	Skor Min Bagi Tahap Kesiediaan Guru Pemulihan Khas	53
Jadual 3.6	Skor Min Bagi Tahap Penggunaan BBM	53
Jadual 3.7	Kekuatan Nilai Pekali Korelasi	54
Jadual 3.8	Alat Statistik Yang Digunakan Mengikut Skala Pengukuran	55
Jadual 4.1	Pekali <i>Alpha Cronbach</i> Kajian Rintis dan Kajian Sebenar	58
Jadual 4.2	Taburan Responden Mengikut Jantina	59
Jadual 4.3	Taburan Responden Mengikut Umur	60
Jadual 4.4	Taburan Responden Mengikut Pencapaian Akademik	60
Jadual 4.5	Kekerapan dan Peratusan Pengalaman Mengajar Program Pemulihan Khas	61
Jadual 4.6	Analisis Deskriptif bagi Kesiediaan Guru Pemulihan	62
Jadual 4.7	Nilai Min Keseluruhan bagi Latihan Guru Pemulihan dan Minat Guru dalam Kesiediaan Guru	63
Jadual 4.8	Analisis Deskriptif bagi Penggunaan BBM	64
Jadual 4.9	Nilai Min Keseluruhan bagi Kemahiran Menggunakan BBM dan Keberkesanan Menggunakan BBM dalam Penggunaan BBM	65
Jadual 4.10	Analisis Deskriptif bagi Minat Belajar Murid Pemulihan Khas	66

Jadual 4.11	Analisis Min dan Sisihan Piawai Bagi Kesianaan Guru, Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dan Minat Belajar Murid Pemulihan Khas	67
Jadual 4.12	Jadual Perbezaan Ujian t-Padanan bagi Kesianaan Guru dan Penggunaan BBM	68
Jadual 4.13	Hubungan Kesianaan Guru dengan Minat Belajar Murid Pemulihan Khas	69
Jadual 4.14	Hubungan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dengan Minat Belajar Murid Pemulihan Khas	70
Jadual 4.15	Regresi Berganda: Nilai <i>Coefficients</i>	71
Jadual 4.16	Regresi Berganda: Ujian <i>Collinearity</i>	72
Jadual 4.17	Ringkasan Keputusan Regresi Berganda	73
Jadual 4.18	Keputusan Ujian ANOVA Regresi Berganda	73
Jadual 4.19	Keputusan Regresi Berganda <i>Stepwise</i>	74
Jadual 4.20	Ringkasan Dapatan Kajian	75



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1	Kerangka Konsep
Rajah 2.1	Teori Proses Pembelajaran Gagne
Rajah 2.2	Model Reflektif Wallace
Rajah 2.3	Model Pengajaran Asas Glaser
Rajah 2.4	Model Pembelajaran Sim
Rajah 2.5	Persediaan untuk Pengajaran Guru



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

BBM	Bahan Bantu Mengajar
EPRD	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
ICT	Internet Communication Technology
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
3M	Membaca, Menulis dan Mengira



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Borang Soal Selidik
Lampiran B	Analisis Kajian Rintis
Lampiran C	Analisis Data Kajian Sebenar



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pendidikan peringkat rendah ialah pendidikan yang bertujuan untuk melahirkan insan yang seimbang serta berkembang secara menyeluruh dan bersepadu dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Negara. Penguasaan kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M) perlu dikuasai pada peringkat awal bagi membolehkan murid-murid berkomunikasi dan menimba ilmu pengetahuan. Program Pemulihan Khas mengutamakan prinsip " menyelesaikan masalah seawal mungkin" supaya tidak jadi kronik berterusan hingga ke tahap dua persekolahan rendah atau ke peringkat persekolahan menengah rendah (Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), 2007: 2).

Kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M) amat penting ke arah menuju alaf baru selepas tahun 2000 di mana perkembangan Teknologi Maklumat semakin pesat dan mencabar. Walau bagaimanapun berdasarkan laporan daripada hasil penyelidikan menunjukkan antara sepuluh hingga lima belas peratus di kalangan murid-murid sekolah masih menghadapi masalah atau kesulitan pembelajaran dan gagal menguasai kemahiran asas 3M (KPM, 2007: i).

Di Malaysia, pendidikan pemulihan disediakan untuk membantu murid mengatasi masalah kelemahan khusus dalam pelajaran (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan (EPRD),2002:1). Pendidikan Pemulihan Khas amat penting dalam sistem pendidikan kini kerana terdapat hampir 20 peratus daripada jumlah kanak-kanak iaitu golongan yang lemah terpaksa bersaing dengan kanak-kanak yang biasa untuk menguasai kemahiran yang perlu dicapai mengikut kehendak sukatan pelajaran yang sama, Justeru itu, kanak-kanak yang lemah sangat-sangat memerlukan bimbingan dan

pengajaran khas. Perbezaan individu dari segi fizikal, emosi, intelek dan sosial pasti akan menimbulkan berbagai-bagai sekatan untuk seseorang murid yang lemah mencapai tahap yang sama yang telah dicapai oleh murid yang normal (Syed Abu Bakar, 1997 : 14).

Pelbagai usaha telah dijalankan untuk memenuhi keperluan-keperluan pengajaran dan pembelajaran untuk murid-murid yang diistilahkan dahulunya sebagai murid "lembam" dan sekarang dipanggil murid lambat atau murid yang ketinggalan dalam mata pelajaran asas seperti Bahasa Malaysia dan Matematik atau lebih khusus lagi murid yang lemah dalam kemahiran membaca, menulis dan mengira (Robiah Kulop Hamzah, 1992:xi).

KPM (2003) menjelaskan bahawa setiap murid adalah berbeza antara satu sama lain sama ada dari segi pengalaman, tingkah laku, amalan, bakat dan kebolehan. Oleh yang demikian, guru seharusnya memahami keperluan konsep pemulihan khas di dalam bilik darjah bagi mengatasi permasalahan menguasai kemahiran membaca dan menulis dalam kalangan murid sekolah rendah.

Pelbagai usaha telah dan akan dijalankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia bersama Jabatan Pelajaran Negeri dengan Pejabat Pelajaran Daerah bagi merangka program kecemerlangan murid contohnya Kelas Intervensi Awalan Membaca dan Menulis (KIA2M), Program Literasi dan Numerasi (LINUS) dan Program Bimbingan Membaca dan Menulis (PROBIM). Melalui program-program yang dirancang diharapkan dapat membantu serta memenuhi keperluan murid-murid ini. Program pemulihan merupakan satu pendekatan bagi mengatasi murid-murid yang mengalami kelemahan kemahiran yang tertentu. Perhatian guru yang serius dalam memenuhi tuntutan murid ini dapat membantu mengembangkan potensi dan meningkatkan keyakinan murid tersebut untuk bersaing dengan rakan mereka yang cerdas (KPM, 2003).

Masalah pembelajaran merupakan faktor penting di negara-negara membangun seperti Malaysia sebab ianya mempunyai kaitan dengan usaha ke arah "*universalization of primary education*". Pendidikan universal pada tahap rendah

merupakan salah satu daripada komponen utama program "Pendidikan Untuk Semua" dan "Pendidikan Sepanjang Hayat" serta merupakan strategi untuk mewujudkan pendekmorasian pendidikan. Keutamaan harus diberi kepada ketiga-tiga aspek pendidikan sejagat iaitu " *Universal Access*" kepada pendidikan rendah, kadar menamatkan persekolahan yang tinggi dan pencapaian maksimum (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), 2002:1)

1.2 Latar Belakang Masalah

Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Rendah (KBSR) dalam sistem pendidikan Negara merupakan salah satu usaha untuk memantapkan kemahiran 3M di kalangan murid-murid sekolah rendah. Namun, setelah sekian lama pelaksanaannya, masih terdapat segelintir murid-murid yang tidak menguasai kemahiran asas 3M di sekolah rendah malahan sehingga ke sekolah menengah. Oleh itu, program pemulihan khas diperkenalkan sebagai satu alternatif untuk membantu murid-murid dalam penguasaan 3M di sekolah rendah sebagai langkah pencegahan lebih awal. Calon guru program pemulihan khas adalah seorang yang sewajarnya berminat, berpengetahuan dan berkemahiran serta terlatih dalam bidang ini supaya pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dapat dijalankan. Matlamatnya adalah untuk membantu menyelesaikan masalah murid dalam penguasaan 3M diperingkat sekolah rendah lagi (Abdul Rahim Hamdan, 2003:1).

Kanak-kanak pemulihan ialah kanak-kanak yang menghadapi masalah pembelajaran sama ada dalam membaca, menulis atau mengira. Mereka menunjukkan simptom atau gejala kesulitan untuk membaca, menulis dan mengira. Selain sering melakukan kesalahan dalam kerja sekolah dan memperoleh keputusan ujian dan peperiksaan yang kurang memuaskan, murid-murid ini juga memperlihatkan ciri-ciri seperti kurang keyakinan diri, rendah konsep diri, pasif terhadap kegiatan pembelajaran dan mudah putus asa (Syed Abu Bakar, 1997 : 10).

Collins, (1961:4) berpendapat bahawa mereka ini golongan kanak-kanak yang boleh menguasai sesuatu kemahiran di bawah umur biasanya. "*The child works below his chronological age*" yang mana sebahagian daripada kanak-kanak dengan keperluan khas atau "*children with special needs*" di bahagikan kepada lima kategori:

- i. Murid-murid terhad kecerdasan yang terdiri daripada kanak-kanak rencat akal dan kanak-kanak yang cacat saraf dan organ atau *neurological or organic defects*.
- ii. Murid-murid yang tersekat budaya atau sosial: kebolehan dan keupayaan mereka terbantut akibat kekurangan rangsangan kepada deria semasa bayi; kurang rangsangan bahasa dan juga kurang pengalaman yang kaya beraneka;
- iii. Murid-murid salahsuaian personaliti: keadaan ini menyulitkan pembentukan perkembangan sosial dan membantutkan perkembangan emosi yang normal. Ia juga menyusahkan mereka menjalin perhubungan berkomunikasi dengan orang lain. Akibatnya mereka membantah situasi pembelajaran di sekolah-sekolah;
- iv. Murid-murid dengan kesulitan pembelajaran khas: murid-murid ini mengalami kesulitan berfungsi jika melibatkan pemerhatian atau penumpuan kepada pelajaran, pengamatan, mengintegrasikan penanggapan idea, melicinkan koordinasi pergerakan fizikal akibat kelambatan ataupun kecacatan sistem saraf mereka. Kesulitan-kesulitan khas ini mengakibatkan kegagalan pembelajaran;
- v. Kanak-kanak cacat: kanak-kanak cacat deria atau motor iaitu mempunyai pergerakan yang sederhana sahaja. Mereka ini berada dalam sekolah-sekolah biasa.

Terdapat segolongan kanak-kanak di sekolah-sekolah rendah yang memerlukan bimbingan khas perkhidmatan pendidikan pemulihan. Ini selaras dengan teori Keupayaan Mental Mengikut Taburan Normal iaitu Taburan Skor I. Q pada Skala Kecerdasan Stanford- Binet (Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979, perenggan 34-35):

“Memandangkan kekurangan dan kelemahan dalam usaha menjalankan pengajaran pemulihan, adalah diperakukan supaya kerja-kerja Ujian Rujukan Kriteria (*Criterion Referenced Test*) yang telah pun diadakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia di peringkat ini, diperluaskan lagi.

Adalah juga diperakukan supaya perkara-perkara yang berkaitan dengan langkah-langkah mengadakan pengajaran pemulihan selepas daripada Ujian Rujukan Kriteria dijalankan, diteliti dan diperbaiki. Antara perkara-perkara lain termasuklah kaedah-kaedah mengajar, bahan bantu mengajar yang sesuai, serta kelas lebih kecil, peruntukan guru bagi mengendalikan pengajaran pemulihan serta penggunaan bahan-bahan tertentu”.

Secara umumnya, kanak-kanak boleh diramalkan menguasai kemahiran membaca dan menulis sekiranya mereka:

- i. *have normal or above average language skills;*
- ii. *have had experiences in early childhood that fostered motivation and provided exposure to literacy in use;*
- iii. *are given information about the nature of print via opportunities to learn letters and to recognize the sublexical structure of spoken words, as well as about the contrasting nature of spoken and written language; and*
- iv. *attend schools that provide coherent reading instruction and opportunities to practice reading*

(Snow, Burns & Griffin, 1998: 315)

Murid-murid sekolah rendah merupakan aset Negara pada masa hadapan bagi meneruskan kesinambungan bangsa dalam memajukan negara menjelang Wawasan 2020. Walau bagaimanapun, wujudnya jurang pemisah dalam membangunkan kepelbagaian kecerdasan serta perbezaan individu murid dalam menjadikan pendidikan pemulihan sebagai pilihan dalam membantu mereka agar lebih berjaya mencapai matlamat kehidupan dan kejayaan dalam sistem pendidikan di negara ini. Sehubungan itu, pemulihan merupakan satu pendekatan yang berbeza daripada kelas biasa dalam sistem persekolahan kebangsaan. Pendidikan pemulihan berfokuskan objektif memulihkan sesuatu kekurangan atau sesuatu kecacatan dalam membentuk kemahiran pembelajaran murid. Permasalahan murid-murid lambat amat merisaukan bukan sahaja ibu bapa tetapi juga masyarakat dan kerajaan (Roselan, 2003: 36).

Guru masa kini perlu berpengetahuan dan peka terhadap persediaan menggunakan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Fisher (2003) peningkatan pengintegrasian ICT dalam bilik darjah di negara Barat amat memberangsangkan sejak tiga puluh tahun yang lalu. Dalam era ICT yang berkembang hebat guru perlu memfokus dua bidang utama. Bidang pertama melibatkan pembelajaran menggunakan teknologi di mana guru didedahkan dengan pelbagai kemahiran bagaimana menggunakan ICT dari aspek pengurusan hal peribadi sehinggalah aspek profesional.

1.3 Pernyataan Masalah

Perbezaan minat, pengalaman, bakat dan gaya belajar individu murid mengakibatkan segolongan mereka lebih lambat atau "terbelakang" menguasai sesuatu kemahiran berbanding rakan sebayanya. Sekiranya mereka tidak diberi pengajaran pemulihan, mereka mungkin gagal memperoleh pendidikan yang perlu dan potensi mereka akan terbenam (KPM, 2007: 2).

Kanak-kanak pemulihan ditakrifkan sebagai "murid-murid di kelas biasa" yang menghadapi masalah pembelajaran disebabkan ketidaksesuaian bahan dan teknik pengajaran guru, tidak hadir ke sekolah, cuai dalam menjalankan aktiviti-aktiviti serta

leka dan lambat. Selain itu, masalah-masalah yang menghalang pembelajaran termasuklah masalah peribadi, psikologi, kurang kecerdasan seperti lambat berfikir dan bertindak, cepat lupa, sukar memahami dan lemah pengamatan (Bahagian Pendidikan Guru, 1990).

Murid-murid pemulihan dikenal pasti kerap menunjukkan kesulitan untuk membaca, menulis, mengira, mendengar, berfikir, bercakap, melukis, menaakul, memahami dan mengingat kembali. Mereka juga menunjukkan kesulitan untuk membuat kerja-kerja atau pergerakan yang memerlukan penggunaan koordinasi otot-otot seni (Syed Abu Bakar Syed Akil, 1997: 12). Sehubungan itu, menurut Syed Abu Bakar (1997) kesulitan belajar ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor dan antaranya ialah perkembangan dan kematangan jasmani, emosi, intelek dan sosial yang bermasalah, makanan dan pemakanan yang tidak sempurna, kesediaan untuk belajar lewat dan pengajaran diberi sebelum berlakunya kesediaan dan penerimaan baka yang cacat.

Pada umumnya, murid-murid pemulihan khas tidak mempunyai masalah kerencatan akal atau terencat akal (KPM, 2003). Ada banyak sebab mengapa mereka gagal dalam pelajaran mereka atau tidak dapat mencapai sepenuhnya potensi pembelajaran mereka. Sebab-sebab ini termasuklah sebab-sebab fizikal, emosi, psikologi, neurologi, kebudayaan dan persekitaran. Kajian mengenai Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) menganggarkan lebih kurang 10% daripada murid-murid sekolah rendah mempunyai masalah pembelajaran. Walau bagaimanapun, sebilangan besar daripada mereka mampu dikendalikan oleh sistem persekolahan biasa melalui aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang sistematik dan bersesuaian dengan masalah-masalah pembelajaran yang dihadapi oleh mereka, pendek kata, melalui pendidikan pemulihan (Jabatan Pelajaran Negeri Kedah, 1986).

Abdul Rashid dan Zulkafli (2008:4) menyatakan bahawa masalah menguasai kemahiran membaca dan menulis menjadikan murid lemah dan tidak berminat dalam mata pelajaran Bahasa Melayu adalah ketidakcekapan mereka menguasainya. Selain itu, murid ini juga lemah dan tidak berminat mencari maklumat yang terdapat dalam

gambar rajah atau bahan rangsangan yang diberikan oleh guru. Justeru, guru perlu mempelbagaikan teknik pengajaran agar dapat menjadikan pengajaran lebih bervariasi, menarik serta dapat menimbulkan minat murid untuk belajar dengan lebih bersungguh-sungguh.

Menurut Robiah Kulop Hamzah (1992) terdapat masalah kesukaran untuk mendapatkan bantuan kewangan atau dana untuk membeli dan membina bahan-bahan pembelajaran merupakan salah satu isu permasalahan bagi guru pemulihan khas. Sehubungan itu, guru juga didapati kurang berkemahiran memilih dan mengoptimumkan penggunaan bahan bantu mengajar. Guru juga kurang bersedia menghadapi cabaran-cabaran dan perubahan-perubahan yang dijangkakan dari segi amalan pengurusan pembelajaran di bilik darjah khususnya dalam menguasai kemahiran menggunakan bahan bantu mengajar dengan berkesan dan juga perubahan '*mindset*' nya tentang kepentingan dan peranan bahan-bahan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Guru merupakan elemen penting dalam pendidikan. Pengajaran yang berkualiti adalah hasil daripada mereka yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan pada suatu disiplin ilmu tersebut. Kenyataan ini turut disokong oleh Ryan, (dalam Crow & Crow, 1983) iaitu guru yang efektif ialah guru-guru yang mempunyai sifat-sifat seperti berikut:

- i. Mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam mata pelajaran yang diajarnya
- ii. Mempunyai imaginasi yang tinggi untuk membolehkan ia membuat pelbagai contoh yang dapat membantu pelajar memahami suatu konsep dengan mudah
- iii. Dapat menggunakan alatan dan bahan pengajaran dengan baik dalam pengajarannya.